

Pengenalan

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan adalah unit yang diberi tanggungjawab untuk memperluaskan kemudahan yang ada di politeknik kepada industri dan masyarakat setempat dengan tanpa menjejaskan masa dan mutu kerja. Sehubungan dengan itu, penswastan sektor masa atau "Time Sector Privatisation" diwujudkan.

Dalam mencapai arus persaingan ilmu yang tinggi, maka Kursus Secara Sambilan diadakan demi membantu bekas-bekas pelajar politeknik yang bekerja untuk memperolehi diploma secara sambilan dengan mengikuti kuliah pada setiap hujung minggu dengan kadar yuran yang berpatutan. KSS di Politeknik Kota Bharu telah bermula pada sesi Julai 2000. Sehingga kini 6 kursus ditawarkan iaitu, Diploma Kejuruteraan Awam (DKA), Diploma Ukur Bahan (DUB), Diploma Kejuruteraan Elektronik (DKE), Diploma Pengajian Perniagaan (Pengurusan) (DPM), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)(DAD) dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pertanian) (DPT).

Di samping kadar yuran yang rendah, pelajar KSS akan memperolehi Diploma setaraf pelajar sepenuh masa yang membolehkan mereka melanjutkan pelajaran keperingkat yang lebih tinggi atau tujuan untuk kenaikan pangkat.

Kursus Yang Ditawarkan / Syarat Kelayakan / Kadar Yuran

KURSUS YANG DITAWARKAN	KELAYAKAN SIJIL BERKAITAN	YURAN KURSUS PER SEMESTER (RM)
Diploma Kejuruteraan Awam (DKA)	Sijil Kej. Awam Sijil Kej. Awam (Kerja Raya & Kaji Air) Sijil Kej. Awam (Pembinaan) Sijil Kej. Awam (Lebuhraya) Sijil Kej. Perkhidmatan Bangunan Sijil Teknologi Berasaskan Kayu Sijil Perancangan Bandar Dan Wilayah Sijil Seni Bina Sijil Ukur Bahan Sijil Ukur Tanah	1270.00
Diploma Ukur Bahan (DUB)	Sijil Ukur Bahan	1300.00
Diploma Kejuruteraan Elektronik (DKE)	Sijil Kej. Elektrik (Perubatan) Sijil Kej. Elektrik (Kuasa) Sijil Kej. Elektronik (Kawalan) Sijil Kej. Elektronik (Komputer) Sijil Kej. Elektronik (Perhubungan) Sijil Kej. Elektronik (Petroleum) Sijil Kej. Elektrik & Elektronik Sijil Kej. Elektrik (Petroleum)	1360.00
Diploma Pengajian Perniagaan (Pengurusan)-(DPM)	Sijil Pemasaran Sijil Pengajian Perniagaan Sijil Penyimpanan Kira Sijil Pemprosesan Data	1110.00
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)-(DAD)	Sijil Kej. Mekanikal (Automotif)	1150.00
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pertanian)-(DPT)	Sijil Kej. Mekanikal (Pertanian)	1340.00

Syarat-Syarat Kemasukkan

Calon-calon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Warganegara Malaysia.
2. Memiliki **Sijil Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia YANG BERKAITAN* DENGAN KURSUS DIPLOMA YANG DIPOHON** serta memenuhi syarat minimum berikut:-
 - a) **Memperolehi sekurang-kurangnya HPNM (Himpunan Purata Nilai Mata) 2.50 atau lebih pada semester akhir.**
 - atau
 - b) **Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang dipohon jika HPNM kurang daripada 2.50.**

Catatan: *Maksud berkaitan dengan kursus yang dipohon-sila rujuk syarat kelayakan kursus yang ditawarkan.

Tempoh Dan Masa Kursus

Kursus dijalankan dalam empat (4) semester minimum (2 tahun) dan enam (6) semester maksimum (3 tahun). Dilaksanakan pada hujung minggu seperti berikut:

Jumaat : 8.00 pagi - 7.00 petang
Sabtu : 8.00 pagi - 7.00 petang

Struktur Kursus

Kursus dijalankan dalam empat (4) semester mengikut modul yang telah ditetapkan berselaraskan dengan sistem diploma politeknik sepenuh masa. Kelulusan setiap modul berdasarkan kepada tahap kelulusan minima 2.00 dan pelajar dianggap berjaya menamatkan pengajian setelah berjaya lulus semua modul dan mencapai Jumlah Jam Kredit yang ditetapkan dengan mendapat HPNM lebih atau sama dengan 2.00.

Sistem Penilaian

Modul am dan Modul tiada peperiksaan akhir dinilai 100% Penilaian Berterusan, modul yang melibatkan Peperiksaan Akhir akan dinilai berdasarkan 60% Penilaian Berterusan (PB) dan 40% Peperiksaan Akhir (PA).

Sistem penilaian digunakan adalah berdasarkan Sistem Nilai Mata (SNM). Satu ukuran prestasi digunakan bagi menetapkan **Purata Nilai Mata (PNM)** atau **Grade Point Average (GPA)** dan **Himpunan Nilai Mata (HPNM)** atau **Cumulative Grade Point Average (CGPA)**. PNM adalah gambaran pencapaian pada semester berkenaan. HPNM menunjukkan pencapaian pelajar setelah dihimpunkan setiap semester sehingga semester terkini.

Kemudahan

Pelajar Kursus Secara Sambilan berhak menggunakan segala kemudahan asas Politeknik Kota Bharu seperti mana pelajar sepenuh masa. Antara kemudahan yang disediakan adalah, perpustakaan, penggunaan bilik komputer, padang permainan, bilik-bilik kuliah untuk tujuan perbincangan dan lain-lain kemudahan yang ada.

Keterangan Lanjut...

Keterangan dan maklumat lanjut berhubung Kursus Secara Sambilan boleh didapati dengan berhubung terus kepada:-

Pegawai Latihan dan Pendidikan
Lanjutan

Politeknik Kota Bharu
Km 24, Pangkal Kalong
16450 Ketereh.

Tel : 09-7889641/7889344 samb 122/121

**PERMOHONAN DIBUKA SEPANJANG
TAHUN DAN KELAS AKAN DIBUKA
BERDASARKAN BILANGAN CALON
MINIMA 20 ORANG.**



Kementerian Pengajian Tinggi Politeknik Kota Bharu

**PENSWASTAAN SEKTOR MASA
[TIME SECTOR PRIVATISATION]**

**KURSUS SECARA SAMBILAN
(KSS)**

UNTUK LEPASAN SIJIL POLITEKNIK

**BELAJAR SAMBIL BEKERJA
KULIAH PADA Hujung MINGGU
YURAN YANG BERPATUTAN**

**“KEJAYAAN ANDA
MATLAMAT KAMI”**

**“GRAB THE
OPPORTUNITIES WHILE IT
LAST!!”**

*Politeknik
Kota Bharu*